

BAB V

PENUTUP

5.1. Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu analisis tentang aplikasi akad *muḍārabah* dalam operasi Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia. Secara khususnya kajian ini telah membahas empat persoalan utama, iaitu pertama, mengkaji hukum fiqh muamalat berkaitan dengan pelaburan yang menggunakan prinsip *muḍārabah*. Kedua, menjelaskan pelaksanaan perbankan syariah pada Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) di Indonesia, khususnya pada BPRS Harta Insan Karimah Bekasi. Ketiga, menjelaskan penerapan akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia. Keempat, menganalisis adakah aplikasi akad *muḍārabah* pada produk dana Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia sesuai dengan prinsip-prinsip syariah. Oleh kerana itu, dalam bab penutup ini pengkaji akan membentangkan kesimpulan dan cadangan daripada kajian yang telah dilakukan, terutamanya yang berkaitan dengan empat pembahasan tadi.

5.2. Kesimpulan daripada kajian yang telah dilakukan

Kesimpulan yang akan dibentangkan oleh penulis adalah mengandungi empat persoalan utama yang terdapat pada bab-bab dalam kajian yang telah dilakukan. Kesimpulan ini iaitu:

5.2.1. Konsep *muḍārabah* dalam fiqh muamalat.

A. *Muḍārabah* merupakan satu sistem pelaburan dalam Islam.

Salah satu cara yang diberikan oleh Islam untuk mengembangkan harta iaitu menerusi akad *muḍārabah*, di mana akad ini diharuskan kerana keperluan dan hajat manusia kepadanya. Akad *muḍārabah* merupakan suatu cara mengurus perniagaan di mana salah satu pihak yang berkontrak memberikan bekalan modal kepada pihak yang mahir dalam hal urusan perniagaan, supaya dikelola dan dikembangkan, sehingga ianya boleh mendatangkan keuntungan yang akan dibahagikan kepada kedua-dua pihak yang berkontrak, sesuai dengan kesepakatan bersama. *Muḍārabah* mempunyai penamaan yang lain seperti *muqāraḍah*, *qirāḍ* dan *mu‘āmalah*. Dalam mendefinisikan *muḍārabah*, *muqāraḍah* atau *qirāḍ* secara istilah, para *fuqahā*’ telah memberikannya dengan banyak definisi. Namun daripada pelbagai definisi mengenai *muḍārabah* yang dipaparkan oleh para ulama, dapat disimpulkan bahawa akad *muḍārabah* adalah akad kongsi antara dua belah pihak atau lebih, di mana salah satu pihak menyerahkan hartanya kepada pihak lain untuk dikelola, dengan perkongsian keuntungan antara keduanya sesuai peraturan dan syarat yang disepakati bersama.

B. Rukun-rukun dan syarat-syarat dalam akad *muḍārabah*.

Setiap akad yang digunakan untuk melakukan transaksi mesti memiliki rukun-rukun pada akad tersebut. Rukun *muḍārabah* adalah pertama, *al-ṣīghah*, iaitu mana-mana lafaz atau perkataan yang menunjukkan kepada berlakunya akad *muḍārabah* yang mengandungi pernyataan *ijāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan). Rukun kedua, *al-‘aqidān* (*ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*), iaitu pemilik modal dan pengusaha yang melakukan akad perkongsian secara *muḍārabah*, di mana pemodal menyumbangkan hartanya, sedangkan pengusaha menyumbangkan tenaganya. Ketiga, *ra’s al-māl* (modal) iaitu objek daripada usaha yang akan dijalankan. Keempat, *al-‘amal* (kerja), iaitu suatu di mana dengannya pengusaha mengembangkan modal *muḍārabah*.

Kelima, *al-ribḥ* (untung), iaitu bahagian yang diketahui bersama di mana ianya merupakan lebihan daripada modal yang diperolehi daripada usaha *muḍārib*.

Manakala mengenai syarat-syarat yang terdapat di dalam rukun *muḍārabah* tidaklah semuanya disepakati oleh para *fuqahā'* empat mazhab, kerana didalamnya masih lagi terdapat beberapa perkara yang diperselisih pendapat oleh mereka. Antara perkara yang diperselisihkan oleh *fuqahā'* empat mazhab tersebut, iaitu mengenai keharusan wang semasa untuk dijadikan modal perniagaan dengan kaedah *muḍārabah*. Mereka juga berselisih mengenai keharusan bertransaksi dengan kaedah *muḍārabah* dalam bidang selain perniagaan, seperti pertanian dan perkilangan. Namun begitu, masih banyak syarat-syarat yang telah disepakati oleh para *fuqahā'* empat mazhab.

C. Status *muḍārabah* dalam muamalah kehartaan.

Meskipun para ulama telah bersepakat mengenai keharusan akad *muḍārabah* untuk digunakan dalam bermuamalah, namun mereka berselisih mengenai status *muḍārabah* dalam muamalah kehartaan, apakah ia dikategorikan ke dalam kategori kontrak *mu'āwadah* (kontrak pertukaran) seperti *ijārah* atau ia dikategorikan ke dalam kategori syarikat?. Majoriti *fuqahā'* mengkategorikan *muḍārabah* kedalam kategori akad *mu'āwadah* (kontrak pertukaran) seperti *ijārah* (kontrak upah sewa). Manakala mazhab Hanbali mengkategorikan *muḍārabah* kedalam kategori syarikat (perkongsian) dan bukan termasuk dalam kategori akad *ijārah*. Golongan ini diikuti oleh kebanyakan *fuqahā'* semasa, namun mereka menganggap *muḍārabah* sebagai bentuk syarikat yang memiliki keistimewaan berbanding dengan jenis-jenis akad kongsi yang lain, di mana ianya memiliki hukum dan ciri khas yang tidak dimiliki oleh bentuk syarikat yang lain.

D. Bidang pekerjaan yang boleh dibiayai dengan modal *muḍārabah*.

Para *fuqahā'* empat mazhab berselisih tentang pekerjaan yang boleh dilakukan oleh *muḍārib* dengan menggunakan modal *muḍārabah*. *Fuqahā'* Shafi'i mensyaratkan bahawa kegiatan yang boleh dilakukan dengan modal *muḍārabah* terhad pada aktiviti perniagaan sahaja. Namun, *fuqahā'* mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali tidak membataskan penggunaan modal *muḍārabah* untuk membiayai aktiviti perniagaan dengan menjual dan membeli secara langsung sahaja. Mereka membenarkan penggunaan modal *muḍārabah* dalam pelbagai bidang ekonomi yang berkemungkinan boleh memperolehi keuntungan.

E. *Ḍamān* (jaminan ganti rugi) dalam *muḍārabah* untuk menjaga keselamatan modal.

a. *Ḍamān* (jaminan ganti rugi) pihak *muḍārib* dalam kontrak *muḍārabah*.

Terdapat perbezaan antara kes pensyaratan atau mengenakan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* dan kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela. Di dalam kes pensyaratan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib*, terdapat unsur-unsur paksaan dan ketidakadilan yang mungkin berlaku. Namun, di dalam kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela, tidak terdapat unsur kezaliman.

Dalam kes yang pertama, iaitu kes pensyaratan atau mengenakan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib*, majoriti *fuqahā'* berpandangan bahawa tidak dibenarkan mengenakan jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* kerana ianya melanggar maksud dan tujuan akad *muḍārabah*, maka syarat tersebut merupakan syarat yang *fāsid* (rosak) dan tidak dianggap, serta *muḍārib* tidak menanggung risiko kerugian jika ianya benar terjadi. Manakala pandangan yang dinisbahkan kepada al-Shawkānī dan ditarjīḥkan

(diperkuatkan) oleh Dr. Nazīh Ḥammād berpendapat bahawa pensyaran jaminan keselamatan modal *muḍārabah* ke atas pihak *muḍārib* adalah sah dan terpakai (*mulzim*).

Manakala perbincangan mengenai kes yang kedua, iaitu kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* oleh pihak *muḍārib* secara sukarela, hanya terdapat dalam mazhab Maliki dan sebuah pendapat yang dikemukakan oleh al-Shawkānī. Sebahagian mereka berpendapat bahawa *muḍārabah* menjadi rosak (*fāsid*) disebabkan jaminan ini. Pendapat ini disepakati oleh Ibn Sahl daripada *fuqahā'* Maliki. Manakala sebahagian lainnya membenarkan perbuatan sukarela pengusaha dalam menjamin modal *muḍārabah*, dan akad *muḍārabah* tersebut juga tetap sah. Pendapat kedua ini disepakati oleh Ibn 'Attāb dan gurunya iaitu Ibn Bashīr daripada *fuqahā'* Maliki, dan al-Shawkānī.

b. *Ḍamān* (jaminan ganti rugi) pihak ketiga dalam kontrak *muḍārabah*.

Mengikut penyelidikan penulis, tidak didapati daripada mana-mana karya ulama silam yang membincangkan perbincangan yang berkaitan langsung dengan *ḍamān* (jaminan ganti rugi) pihak ketiga dalam kontrak *muḍārabah*. Namun begitu, perbincangan ini sudah dibahas dan dikaji oleh ulama semasa dalam muktamar *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* di Jeddah pada tahun 1988. Keputusan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* nombor 30 tentang bon *muqāraḍah* (*muḍārabah*) dan bon pelaburan yang diadakan di Jeddah pada tahun 1988 telah membenarkan *ḍamān* yang dilakukan oleh pihak ketiga ke atas modal *muḍārabah*, namun pembenaran tersebut mesti mengandungi beberapa persyaratan, antaranya, iaitu komitmen ini mesti terpisah daripada akad *muḍārabah*, ini bermaksud bahawa pelaksanaan dalam memenuhi komitmen tersebut tidaklah menjadi syarat dalam keberlangsungan akad *muḍārabah*. Komitmen ini juga mesti bersifat sukarela, tanpa ada maksud untuk memperoleh pulangan atau keuntungan.

F. Kesan yang boleh dihasilkan daripada akad *al-muḍārabah al-fāsidah* (yang rosak).

Dalam perkara akad *al-muḍārabah al-fāsidah* terdapat dua kes. Pertama, iaitu apakah yang berhak dimiliki pengusaha (*muḍārib*) dalam kes akad *muḍārabah* yang rosak?, majoriti *fuqahā'* termasuk salah satu riwayat daripada al-Imām al-Mālik berpendapat bahawa dalam akad *muḍārabah* yang rosak, pengusaha (*muḍārib*) berhak memiliki upah (*ajr*) *mithl*, sedangkan keuntungan kesemuanya adalah milik pemodal. Manakala menurut satu riwayat lagi daripada al-Imām al-Mālik, terdapat dua pendapat mengenai kes ini. Pendapat pertama, pengusaha diberi ganjaran berupa *qirāḍ al-mithl* dalam keuntungan. Manakala pendapat kedua, pengusaha diberi ganjaran berupa upah *mithl*.

Manakala dalam kes yang kedua, iaitu apakah seorang pengusaha (*muḍārib*) wajib menjamin modal *muḍārabah* dalam kes akad *muḍārabah* yang rosak?, majoriti *fuqahā'* berpendapat bahawa dalam akad *muḍārabah* yang rosak, pengusaha (*muḍārib*) tidak menanggung kerugian yang boleh berlaku ke atas modal *muḍārabah*, yang bukan kerana kecuaiian atau salah urus yang dilakukan oleh pihaknya. Manakala menurut Abū Yūsuf dan Muḥammad Bin al-Ḥasan bahawa pengusaha menanggung kerugian yang boleh berlaku ke atas modal *muḍārabah* yang rosak, kerana akad *muḍārabah* ini telah tamat disebabkan ianya telah rosak, sebagaimana dalam perkara *al-ajīr al-mushtarak* apabila modal telah hilang daripada penjagaannya.

5.2.2. Pelaksanaan perbankan syariah pada Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) di Indonesia, khususnya di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi.

Peluang penubuhan bank syariah di Indonesia semakin terbuka luas setelah terjadi Musyawarah (Mesyuarat) Nasional MUI ke-IV di Jakarta, pada tarikh 22 sampai 25 Ogos 1990 yang membahas mengenai faedah bank. Berasaskan daripada hasil

mesyuarat ini, maka dibentuk kelompok kerja dengan nama Tim Perbankan MUI untuk menubuhkan bank syariah di Indonesia. Sehingga muncullah Bank Muamalat Indonesia (BMI) sebagai Bank Umum Syariah (BUS) pertama di Indonesia, berasaskan akta pertubuhan yang dirasmikan pada tarikh 1 November 1991.

Menurut aktiviti bidang usahanya institusi perbankan di Indonesia digolongkan kepada dua jenis, iaitu Bank Umum (*Commercial Bank*) dan Bank Perkreditan Rakyat (BPR)/*Rural Bank*. Penggolongan ini juga berlaku ke atas bank yang berasaskan syariah, yang mana ia juga dibahagi menjadi dua golongan, iaitu Bank Umum Syariah (BUS)/*Islamic Commercial Bank* dan Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS)/*Islamic Rural Bank*. Terdapat perbezaan utama di antara keduanya, iaitu dalam hal pengumpulan dana berupa Giro (akaun semasa), penyertaan dalam urusan pembayaran luar bank berkenaan, serta melakukan aktiviti usaha dalam mata wang asing. Bagi BUS kesemuanya itu diharuskan oleh perundangan Indonesia, manakala bagi BPRS ketiga perkara tadi tidak diharuskan. Namun begitu, sama ada Bank Umum Syariah mahupun BPR Syariah, kedua-duanya tidak dibenarkan oleh perundangan Indonesia untuk melakukan usaha insuran.

PT BPRS Harta Insan Karimah Bekasi yang lebih dikenali dengan sebutan HIK Bekasi merupakan BPRS terkemuka di Kota Bekasi, Jawa Barat. Ianya ditubuhkan pada tarikh 15 Mei 2005, melalui pengambilalihan dan pertukaran nama dari PT BPRS Baituniaga Insani di Bekasi, Jawa Barat. HIK Bekasi merupakan ahli grup (kumpulan) Harta Insan Karimah (Grup HIK), di mana kumpulan ini telah ditubuhkan pada tahun 1992. Ianya merupakan sebuah kumpulan yang kukuh, terus berkembang secara konsisten sejak penubuhannya, dan fokus pada usaha mikro syariah.

Landasan hukum yang dijadikan asas dalam penubuhan BPRS Harta Insan Karimah Bekasi iaitu Undang-Undang Nombor 7 Tahun 1992 tentang Perbankan,

Undang-Undang Nomor 10 Tahun 1998 tentang perubahan atas Undang-Undang Nomor 7 Tahun 1992 tentang Perbankan, Peraturan Bank Indonesia Nomor 6/17/PBI/2004 tentang Bank Perkreditan Rakyat berasaskan prinsip syariah, dan Undang-Undang Nomor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah.

Dalam operasinya, BPRS HIK Bekasi telah menawarkan beberapa produk kepada masyarakat yang dibagi menjadi dua jenis, yaitu produk pengumpulan dana dan produk pembiayaan. Produk pengumpulan dana yang ditawarkan mengandung Deposito dengan menggunakan akad *muḍārabah muṭlaqah*, TabunganKu dengan menggunakan prinsip *wadi'ah* (simpanan), TAHAROH dengan menggunakan akad *muḍārabah*, dan Taqorub dengan menggunakan akad *muḍārabah*. Manakala produk pembiayaan mengandung pembiayaan untuk keperluan usaha (modal kerja dan pelaburan), keperluan konsumsi (penggunaan), pendidikan, pengubahsuaian rumah, dan pembiayaan pakej umrah. Dalam produk pembiayaan ini, pihak BPRS HIK Bekasi menggunakan beberapa akad, yaitu, akad *murābahah*, *muḍārabah*, *mushārah* dan *ijārah*. Menurut data yang diperoleh oleh penulis, sehingga saat ini BPR Syariah Harta Insan Karimah Bekasi belum menerbitkan produk perkhidmatan.

5.2.3. Aplikasi akad *muḍārabah* dalam produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia.

BPRS Harta Insan Karimah Bekasi telah menggunakan konsep *muḍārabah* dalam beberapa produk yang ditawarkan kepada para pelanggannya, sama ada produk pengumpulan dana mahupun produk pembiayaan. Di antara produk yang menggunakan konsep *muḍārabah* di BPRS HIK Bekasi iaitu produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH). Produk TAHAROH adalah sebuah produk yang dikhususkan bagi umat Islam yang berminat melaksanakan ibadah haji, di mana produk ini berfungsi untuk menyimpan dan menjaga wang simpanan mereka daripada pelbagai permasalahan yang

mungkin boleh terjadi, serta memberi kemudahan kepada para calon jemaah haji dalam pengurusan prosedur pendaftaran ibadah haji. Dasar pelaksanaan akad *muḍārabah* pada produk TAHAROH ini iaitu fatwa Dewan (Majlis) Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) No. 02/ DSN-MUI/ IV/ 2000 tentang Tabungan.

Antara manfaat dan keuntungan yang boleh diperoleh pelanggan yang menyimpan wangnya pada produk TAHAROH iaitu:

1. Kepastian dalam beribadah. Melalui tabungan TAHAROH, hajat untuk mengerjakan haji dan umrah lebih tersusun kerana dana simpanan tidak dapat dikeluarkan bila-bila masa kecuali telah mencapai jumlah minimum untuk kelayakan pergi menunaikan haji.
2. Berkongsi keuntungan. Tabungan TAHAROH merupakan tabungan yang menggunakan prinsip pelaburan (*muḍārabah*) dengan ketentuan nisbah kongsi untung 42% untuk pihak bank dan 58% untuk pihak pelanggan, sehingga dengan prinsip ini boleh mempercepat pengumpulan dana ibadah haji atau umrah para pelanggan.
3. Tanpa kos pengurusan. Simpanan pada produk TAHAROH tidak dikenakan kos pengurusan pengelolaan, dan serahan dapat dilakukan secara tunai, pemindahan buku dan *clearing system*. Penyerahan dana pelanggan akan dirakam dalam buku TAHAROH.

Bagi membuka akaun TAHAROH yang ditawarkan oleh BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, pelanggan mesti mengikuti prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak bank, iaitu:

1. Pelanggan hadir ke Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi untuk membuka akaun simpanan dana haji dan umrah.

2. Pelanggan memberikan salinan identiti diri berupa kad pengenalan diri atau lesen memandu (KTP/SIM).
3. Petugas menyerahkan borang pembukaan akaun simpanan amanah *Islamic Bank* dengan pilihan simpanan dana haji, lalu ianya diisi oleh pelanggan.
4. Pelanggan melakukan serahan awal dengan minimum Rp 500,000, tanpa dikenakan kos pengurusan.
5. Kemudian pelanggan menyerahkan wang serahan selanjutnya tanpa terhad pada waktu, namun dengan serahan minimum Rp 100,000. Simpanan hanya boleh diambil oleh pelanggan apabila simpanan telah mencukupi perbelanjaan untuk pergi haji dan umrah.

Dalam penyaluran dana para pelanggan TAHAROH, BPRS Harta Insan Karimah Bekasi lebih menumpukan penggunaan akad yang *fix return* pada produk pembiayaan, di mana ianya tidak ada penyerahan risiko kerugian kepada pihak bank, seperti akad *murābahah* dan *ijārah*. Oleh itu, pengaplikasian akad *muḍārabah* dan *mushārah* pada produk pembiayaan jarang digunakan oleh pihak BPRS HIK Bekasi, terutama sekali akad *muḍārabah* di mana ianya sangat jarang digunakan untuk penyaluran dana produk TAHAROH. Ini kerana kedua akad ini terutama akad *muḍārabah* memiliki tingkat risiko yang sangat tinggi, di mana ianya dapat merugikan pihak bank yang kemudiannya akan memberikan kesan buruk terhadap simpanan para pelanggan produk TAHAROH.

Dalam menjaga produk-produk yang ditawarkan oleh BPRS HIK Bekasi khususnya produk TAHAROH supaya ianya selalu selari dengan asas-asas syariah, maka pihak BPRS HIK Bekasi mengadakan perundingan dengan pihak Dewan (Majlis) Pengawas Syariah (DPS) bagi mengadakan mesyuarat untuk menilai segala aktiviti yang telah dilakukan oleh pihak bank, sehingga apabila didapati sesuatu penyimpangan

maka ianya akan segera diperbaiki. Mesyuarat ini dilakukan pada setiap bulan pada minggu pertama. Namun jika sangat diperlukan, ianya boleh dilakukan dua kali dalam satu bulan.

5.2.4. Analisis aplikasi akad *muḍārabah* dalam produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, Indonesia.

A. Analisis rukun-rukun *muḍārabah* beserta syarat-syaratnya pada produk TAHAROH.

a. Rukun *al-ṣīghah*.

Dalam pelaksanaan produk TAHAROH di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, *al-ṣīghah* diamalkan pada awal akad, dengan *ījāb* (tawaran) daripada pihak pelanggan dan *qabūl* (penerimaan) oleh pihak bank, lalu diperkuat lagi dengan tandatangan pelanggan pada borang aplikasi TAHAROH. Ini menandakan kedua pihak bersetuju dan redha atas akad yang dijalankan.

b. Rukun *al-‘āqidāni* (*ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*).

Dalam transaksi produk TAHAROH terdapat dua pihak yang saling mengadakan akad, satu pihak adalah pelanggan iaitu pihak yang menyimpan wangnya, di mana ianya berperanan sebagai pemilik modal, dan pihak lain adalah BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu pihak yang berperanan untuk mengelola dana pelanggan. Para pelanggan (*ṣāhib al-māl*) TAHAROH dan para pegawai bank (*customer service*) diwajibkan memiliki KTP (Kartu Tanda Penduduk/ kad pengenalan diri), di mana KTP hanya dapat diperoleh oleh orang yang sudah berusia lebih dari 17 tahun. Ini bermakna pelanggan TAHAROH dan para pegawai bank (*customer service*) tersebut telah mencapai usia lebih dari 17 tahun, di mana pada usia tersebut sama ada lelaki dan perempuan sudah dikategorikan orang yang sudah mencapai usia baligh. Dalam rukun *al-‘āqidān* (*ṣāhib al-māl* dan *muḍārib*), tidak terdapat sebarang

perselisihan di antara para *fuqahā'* mengenai keharusan orang yang sudah mencapai usia baligh untuk melakukan kontrak *muḍārabah*.

c. Rukun *ra's al-māl* (modal).

Dalam produk TAHAROH, modal yang diserahkan oleh pihak pelanggan kepada pihak BPRS HIK Bekasi adalah berbentuk wang tunai, bukan berbentuk barangan, hutang atau tenaga kerja. Jumlah minimum modal awal yang diserahkan oleh pihak pelanggan kepada pihak BPRS HIK Bekasi sebanyak Rp 500,000 (lima ratus ribu rupiah) iaitu bersamaan dengan RM 167. Manakala jumlah minimum modal selanjutnya sebanyak Rp 100,000 (seratus ribu rupiah) iaitu bersamaan dengan RM 34. BPRS HIK Bekasi tidak menerima penyerahan modal selain wang tunai, sama ada ianya berbentuk barangan, wang yang masih berbentuk hutang mahupun tenaga kerja. Mengikuti alur transaksi yang diamalkan oleh BPRS HIK Bekasi, maka menurut penulis ianya telah memenuhi syarat-syarat daripada *ra's al-māl* (modal) yang ditentukan oleh para *fuqahā'*, iaitu:

1. Modal yang digunakan berupa wang semasa (*fulūs*), di mana ianya merupakan alat penukaran barangan semasa yang sah. Keharusan penggunaan modal berupa wang semasa ini telah dibenarkan oleh majoriti *fuqahā'* semasa.
2. Modal yang digunakan untuk mengurus niaga mesti jelas, iaitu ianya diketahui dari segi jenis, kadar dan sifat. Syarat ini merupakan syarat yang disepakati oleh para *fuqahā'*.
3. Modal *muḍārabah* mestilah berbentuk tunai, bukan berbentuk hutang. Ini merupakan syarat yang disepakati oleh para *fuqahā'*.
4. Modal mesti diserahkan kepada *muḍārib*, supaya pihak *muḍārib* berkuasa dalam mengelola harta tanpa penyertaan pihak *ṣāhib al-māl*. Ini juga merupakan syarat yang disepakati oleh para *fuqahā'*.

d. Rukun *al-‘amal* (kerja).

Dalam pelaksanaan produk TAHAROH, Pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi menyatakan bahawa akad yang digunakan dalam produk TAHAROH adalah akad *muḍārabah muṭlaqah*, di mana dalam melakukan usahanya pihak bank tidak terikat dengan tempat, tidak terikat dengan jenis-jenis perniagaan dan tidak terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan pihak bank. Jenis akad *muḍārabah* seperti ini diharuskan oleh mana-mana *fuqahā’*, kerana perselisihan yang terjadi antara mereka hanya berlaku pada jenis akad *muḍārabah muqayyadah* sahaja.

Manakala aktiviti yang dilakukan pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi dalam mengelola dana pelanggan TAHAROH tidak terhad pada aktiviti perniagaan sahaja, namun juga meliputi beberapa aktiviti lainya. Hal ini dibenarkan oleh *fuqahā’* Maliki, di mana mereka mengharuskan *muḍārabah* dalam bidang perniagaan dan pertanian. Begitu juga dibenarkan oleh Muḥammad Bin al-Ḥasan daripada mazhab Hanafi dan riwayat daripada al-Imām Aḥmad, di mana mereka mengharuskan *muḍārabah* dilakukan dalam pelbagai bidang ekonomi meliputi perniagaan, pertanian dan pembuatan barangan.

e. Rukun *al-ribḥ* (untung).

Dalam operasinya, penentuan keuntungan pada produk TAHAROH dibahagikan dengan nisbah kongsi untung 42% untuk pihak bank dan 58% untuk pihak pelanggan. Kadar ini sudah diketahui dan disepakati oleh kedua-dua pihak yang berkontrak ketika akad dibuat. Namun begitu, nisbah tersebut akan berlaku jika benar-benar terjadi keuntungan daripada hasil pengelolaan modal. Ini bermakna bahawa keuntungan tersebut merupakan hasil lebih daripada modal, bukan bahagian daripada modal itu sendiri. Oleh itu, menurut kenyataannya bahawa

penentuan keuntungan daripada akad *muḍārabah* pada produk TAHAROH sudah selari dengan fiqh muamalat.

Secara umumnya, seluruh rukun-rukun dan syarat-syarat akad *muḍārabah* dalam produk TAHAROH telah dilakukan sesuai syariah oleh BPRS Harta Insan Karimah Bekasi. Namun, pada beberapa kes terjadi kecuaiian yang dilakukan oleh *customer service* sebagai wakil pihak bank dalam melakukan rukun *al-ṣīghah* ketika akad dibuat. Di mana terdapat *customer service* yang hanya membuka akaun para pelanggan yang ingin menabung wangnya untuk keperluan pergi haji, tanpa memaklumkan kepada pihak pelanggan bahawa akad yang digunakan adalah akad *muḍārabah*, dan tanpa memaklumkan nisbah kongsi untung yang diperuntukkan untuk pelanggan. Kecuaian seperti ini boleh menyebabkan akad *muḍārabah* menjadi terbatal.

B. Analisis usaha-usaha dalam mengelakkan risiko kerugian modal.

Pihak BPRS HIK Bekasi sebagai *muḍārib* telah melakukan pelbagai usaha untuk mengelakkan daripada berlaku kerugian. Usaha yang dilakukan adalah untuk menjaga keselamatan modal *muḍārabah* yang diserahkan oleh para pelanggan produk TAHAROH kepada pihak bank. Antara usaha yang dilakukan ialah:

1. Menumpukan penggunaan akad yang *fix return* pada produk pembiayaan, seperti akad *murābahah* dan *ijārah*. Apabila dilihat dari aspek syariahnya, cara seperti ini diharuskan, kerana pihak bank sebagai *muḍārib* pada produk TAHAROH memiliki hak untuk mengelola modal *muḍārabah* mengikut kehendaknya, selama ianya masih dalam aturan-aturan fiqh muamalat. Selain daripada itu, bahawa akad *murābahah* dan *ijārah* merupakan akad yang dibenarkan oleh syarak.

2. Melakukan langkah-langkah pencegahan (*prudential principle*) pada produk pembiayaan yang menggunakan akad *non-fix return*, seperti *muḍārabah* dan *mushārah*. Cara ini tidak bercanggah dengan kaedah umum fiqh muamalat, kerana asas daripada suatu akad iaitu keredhaan pihak-pihak yang berkontrak. Dalam hal ini, pihak bank hanya ingin melakukan kontrak *muḍārabah* kepada sesiapa yang ia redhai dan percayai untuk menjaga amanah dalam mengelola modal *muḍārabah*, dengan cara pengawalan serta penyaringan ke atas projek dan calon pelanggan produk pembiayaan. Fatwa Majelis Ulama Indonesia juga membenarkan perkara ini, sebagaimana yang ditetapkan dalam fatwa Dewan (Majlis) Syari'ah Nasional-Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) No: 07/ DSN-MUI/ IV/ 2000 tentang Pembiayaan Mudharabah (Qiradh). Penyerahan jaminan dalam akad *muḍārabah* oleh pihak pelanggan (*muḍārib*) produk pembiayaan kepada pihak BPRS HIK Bekasi, juga dibenarkan oleh fatwa DSN-MUI ini.
3. Mencadangkan dana daripada keuntungan bulan lepas bagi menghadapi kemungkinan terjadinya risiko kerugian gagal bayar pada bulan hadapan. Ketentuan ini tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah umum fiqh muamalat, di mana ianya dapat dikira sebagai sebuah kos pengeluaran yang wajib disediakan oleh pihak bank bagi mengelakkan risiko kerugian akibat kegagalan pelanggan produk pembiayaan dalam melakukan bayaran. Hal ini kerana ianya merupakan sebuah peraturan kerajaan Indonesia yang mesti dilakukan oleh seluruh institusi perbankan di Indonesia.

C. Analisis kefahaman pelanggan terhadap akad yang digunakan pada produk TAHAROH.

Dalam transaksi penyimpanan dana haji pada produk TAHAROH, didapati bahawa sebahagian pelanggan sememangnya telah memahami dan mengetahui akad yang digunakan dalam produk TAHAROH ini. Manakala sebahagian lainnya tidak memahami dan mengetahui akad yang digunakan dalam produk TAHAROH, bahkan ada pelanggan yang menyangka bahawa akad yang digunakan adalah akad *wadī'ah*, padahal sebagaimana yang tertulis dalam risalah TAHAROH, akad yang digunakan adalah akad *muḍārabah*, bukanlah akad *wadī'ah*.

Tiadanya pemahaman dan pengetahuan pelanggan terhadap akad yang digunakan dalam produk TAHAROH menyebabkan akad *muḍārabah* di dalamnya menjadi rosak dan terbatalan, kerana sekurang-kurangnya telah menyebabkan tidak dipenuhinya rukun *al-ṣīghah* secara sempurna serta menyebabkan tidak dipenuhinya salah satu syarat pada rukun *al-ribḥ* (keuntungan) iaitu bahawa kadar perkongsian keuntungan kedua-dua pihak yang berkontrak hendaklah diketahui bersama.

D. Analisis *ḍamān* (jaminan ganti rugi) pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi terhadap risiko kerugian pada modal simpanan pelanggan.

Dalam amalannya, pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi memberikan penjaminan keselamatan secara sukarela ke atas modal *muḍārabah* yang disimpan oleh para pelanggan TAHAROH. Hal ini dilakukan kerana beberapa faktor, antaranya iaitu keprihatinan pihak bank kepada para pelanggan yang tidak bersedia untuk menerima risiko kerugian ke atas modal mereka akibat pelaburan yang menggunakan prinsip *muḍārabah*. Padahal secara hakikatnya dalam akad *muḍārabah*, segala risiko kerugian mestilah ditanggung oleh pihak pemodal (pelanggan pelabur), bukan pihak pengusaha (bank), kecuali apabila terjadi

kecuaian, salah urus atau penyelewengan kesepakatan oleh pihak pengusaha (bank). Meskipun hakikatnya begini, namun dalam kes jaminan keselamatan modal *muḍārabah* secara sukarela oleh pihak *muḍārib* (bank), ianya diharuskan mengikut pandangan sebahagian *fuqahā'* klasik, seperti Ibn 'Attāb dan gurunya iaitu Ibn Bashīr daripada *fuqahā'* Maliki, dan juga pandangan daripada al-Imām al-Shawkānī. *Wa Allāh a'lam bi al-ṣawwāb.*

5.3. Cadangan

Penulis ingin mencadangkan beberapa perkara supaya ianya dilakukan oleh pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, para pelanggan khususnya pelanggan produk TAHAROH, dan juga oleh bakal pengkaji selanjutnya. Cadangan ini diharapkan dapat menjadikan BPRS Harta Insan Karimah Bekasi sebagai contoh bagi institusi kewangan Islam lainnya dalam menawarkan produk-produk yang selari dengan prinsip-prinsip syariah. Cadangan ini juga diharapkan dapat menjadi panduan bagi para pengkaji untuk melakukan kajian secara lebih mendalam lagi. Cadangan-cadangan ini, iaitu:

5.3.1. Cadangan untuk BPRS Harta Insan Karimah Bekasi

1. Pegawai bank yang menjawat jawatan sebagai *customer service*, hendaklah diberikan perhatian yang khusus kerana mereka merupakan wakil bank dalam melakukan kontrak dengan para pelanggan. Sah atau rosaknya rukun *al-ṣīghah* pada produk yang ditawarkan oleh bank sangat bergantung pada bagaimana cara pegawai bank tersebut dalam menyampaikan dan melakukan akad pada produk berkenaan. Oleh itu, pekerja yang ditempatkan dalam unit *customer service* perlu latihan lebih mendalam untuk memahami rukun-rukun dan syarat-syarat dalam sesebuah akad, khususnya akad *muḍārabah*. Pengawasan dan pengawalan yang ketat juga sangat diperlukan ketika mereka bertransaksi dengan para pelanggan yang ingin membuka akaun simpanan atau ingin memohon

pembiayaan, supaya rukun-rukun dalam sesebuah akad yang dilakukan oleh kedua-dua pihak, khususnya rukun *al-ṣīghah* dapat dilakukan sesuai dengan kehendak syarak.

2. Para pelanggan hendaklah diberikan pendedahan mengenai hakikat dan pengertian sesebuah akad yang digunakan dalam produk-produk yang ditawarkan kepada mereka dengan sesempurna mungkin, khususnya akad *muḍārabah*. Ini kerana masyarakat am tidak mengerti dengan sebenar mengenai perkara ini. Pengenalan ini boleh dilakukan melalui risalah produk yang ditawarkan, melalui penjelasan daripada *customer service* pada saat pelanggan melakukan akad, melalui laman web milik bank, atau melalui seminar yang dihadiri orang ramai.
3. Menawarkan produk TAHAROH dengan menggunakan akad *wadī'ah*, sebagaimana yang telah dilakukan oleh bank syariah yang lain. Hal ini supaya para pelanggan dapat memilih mana-mana akad yang dianggap lebih sesuai bagi mereka, apakah akad *muḍārabah* atau akad *wadī'ah*. Dengan penawaran ini, ianya berkemungkinan dapat menarik para pelanggan dengan jumlah yang lebih banyak lagi untuk berlumba-lumba menunaikan ibadah haji dan menyimpan wangnya di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi. Fatwa DSN-MUI No: 02 Tahun 2000 Tentang Tabungan menyatakan bahawa simpanan berasaskan akad *wadī'ah* boleh diambil bila-bila masa atau mengikut kesepakatan pihak yang berkontrak. Ini bermakna bahawa pihak bank boleh mensyaratkan kepada pihak pelanggan untuk tidak mengambil simpanan haji mereka kecuali dana ini telah mencukupi had minimum kos pergi haji, meskipun akad yang digunakan adalah akad *wadī'ah*.

5.3.2. Cadangan untuk para pelanggan, khususnya pelanggan produk TAHAROH

1. Hendaklah berusaha untuk mengetahui tentang jenis/bentuk akad yang digunakan pada produk-produk yang ditawarkan oleh bank, khususnya produk TAHAROH.
2. Hendaklah berusaha untuk memahami hakikat akad-akad yang biasa digunakan dalam produk perbankan syariah, khususnya akad *muḍārabah*.

5.3.3. Cadangan untuk bakal pengkaji selanjutnya

1. Mengkaji tahap kepuasan pelanggan terhadap produk TAHAROH di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi.
2. Mengkaji kefahaman pelanggan terhadap pelaksanaan akad *muḍārabah* pada produk TAHAROH di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi.

5.4. Penutup

Pengkaji mengharapkan supaya hasil dan kesimpulan daripada kajian ini, serta cadangan yang diberikan, dapat memberikan banyak manfaat bagi Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, institusi-institusi kewangan Islam lainnya, para pelajar dan pengkaji, pelanggan produk TAHAROH, dan juga masyarakat ramai. Diharap hasil daripada kajian ini dapat menjadi panduan bagi institusi kewangan Islam lainnya sama ada di Indonesia mahupun di negara-negara Islam lainnya untuk mengamalkan konsep *muḍārabah* yang sesuai dengan fiqh muamalat dan juga dapat menjadi panduan bagi para pelajar untuk melakukan kajian selanjutnya. Manakala bagi masyarakat ramai semoga dapatan daripada kajian ini dapat menjadi maklumat yang mencukupi tentang kesahihan aplikasi akad *muḍārabah* pada

produk TAHAROH di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, Jawa Barat, Indonesia. *Āmīn*
yā Rabb al-‘ālamīn. Wa Allāhu a‘lam bi al-ṣawwāb.